



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	23/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	-			

Solarvest tawar pembiayaan tenaga solar



BH, 23 Sept
2021_38

Peluang menyertai revolusi hijau Malaysia tanpa perbelanjaan modal awal

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Solarvest Holdings Bhd (Solarvest) memperkenalkan program pembiayaan solar baharu, 'Powervest' bagi mempromosikan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE) di Malaysia.

Solarvest berkata, Powervest merangkumi dua model pembiayaan kompetitif iaitu Powerflex dan Powerlease, di mana produk itu menawarkan penyelesaian khusus yang inovatif yang disasarkan kepada pengguna komersial dan industri dengan keperluan pembiayaan berbeza.

"Perniagaan diberi peluang menarik untuk menyertai revolusi hijau Malaysia tanpa memerlukan perbelanjaan modal awal.

"Penyelesaian pembiayaan hijau fleksibel dan berpatutan yang unik ini membolehkan bakal pengguna memanfaatkan semua faedah yang dihasilkan oleh tenaga solar," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Solarvest, Davis Chong Chun Shiong, berkata pelancaran Powervest selaras dengan usaha syarikat untuk menjadikan tenaga bersih lebih berpatutan dan mudah diakses.

"Masalah kewangan menjadi antara faktor yang menjejaskan penggunaan tenaga solar lebih pantas terutama dalam masa sukar ini, di mana perniagaan perlu meminimumkan perbelanjaan modal untuk menjimatkan tunai dan cara untuk mengurangkan kos operasi seperti bil elektrik.

"Walaupun menyedari bahawa

tidak ada satu-satunya penyelesaian yang sesuai untuk pelaburan sistem fotovoltaik solar (PV), kami menawarkan penyelesaian pembiayaan yang diyakini cukup komprehensif untuk memenuhi sebahagian besar permintaan," katanya.

Model pembiayaan Powerflex menawarkan pakej kewangan fleksibel dengan kos pendahuluan sifar.

Menerusi model itu, perniagaan boleh memilih untuk memiliki sepenuhnya sistem PV solar dengan pembiayaan sepenuhnya atau memiliki aset terbabit secara bersama Solarvest dengan pembiayaan 50 peratus.

Bayaran balik akan dibuat secara ansuran bulanan kepada institusi kewangan dan Solarvest dalam jangka waktu yang disesuaikan

antara tiga hingga 10 tahun.

Antara manfaat utama lain termasuk penjimatan pada bil utiliti hingga 50 peratus dan insentif cukai sehingga 48 peratus bagi pelaburan.

Bagi Powerlease pula, model yang diperkenalkan sejak 2017 itu adalah perjanjian jangka panjang antara Solarvest dan rakan niaga serta bakal pelanggan untuk penjualan dan pembelian elektrik dihasilkan daripada sistem PV solar yang akan dipasang.

Pelanggan akan membayar kadar tarif kepada Solarvest dan rakan niaga sehingga 30 peratus lebih rendah berbanding caj normal oleh penyedia utiliti, selain menikmati kos operasi dan penyelenggaraan percuma sepanjang tempoh pajakan.

Apabila kontrak tamat, pemilikan aset berkenaan secara automatik akan diserahkan kepada pelanggan.

Chun Shiong berkata, sejak lima tahun lalu, program Powerlease menarik projek lebih 60 megawatt-peak (MWp) daripada pelbagai industri termasuk smikonduktor, bahan binaan, penjagaan kesihatan, makanan dan minuman serta pusat beli-belah.

Pelancaran Powervest selaras dengan usaha syarikat untuk menjadikan tenaga bersih lebih berpatutan dan mudah diakses

Davis Chong Chun Shiong,
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Solarvest

